

Baucar tuisyen untuk anak keluarga miskin elemen menarik

JUM 21 SEP 2002

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Pemberian baucar tuisyen kepada anak-anak keluarga miskin bagi mendapatkan kelas tambahan daripada guru-guru yang sanggup memberi tuisyen khas di luar waktu sekolah adalah antara elemen menarik dalam Bajet 2003.

Langkah itu bukan sahaja bertujuan membolehkan pelajar-pelajar memperoleh tuisyen, malah akan membantu guru yang rajin menerima pendapatan tambahan.

Selain itu, kerajaan juga akan menyediakan peruntukan sekali bayar sebanyak RM120 setahun secara tunai kepada setiap pelajar dari keluarga miskin untuk

membeli pakaian seragam dan peralatan sekolah.

Program itu akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM87.8 juta setahun dan akan memberi manfaat kepada seramai 730,000 pelajar.

Beban

Cadangan Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat petang ini juga memperuntukkan sebanyak RM1 bilion di bawah Tabung Simpanan Pendidikan khusus untuk membiayai pendidikan tinggi anak-anak dari keluarga berpendapatan rendah.

“Untuk mengurangkan beban

perbelanjaan persekolahan anak-anak pada masa hadapan, saya ingin mencadangkan satu Tabung Simpanan Pendidikan khusus untuk membiayai pendidikan tinggi.

“Bagi tujuan ini, kerajaan akan memberi geran padanan bagi setiap ringgit yang disimpan oleh anak-anak dari keluarga berpendapatan rendah.

“Sebagai permulaan, sebanyak RM1 bilion akan disediakan di bawah tabung ini,” kata beliau dalam bajet dua tahun itu - pertama kali diamalkan oleh Kerajaan Pusat.

Satu lagi elemen menarik yang disediakan oleh kerajaan ialah geran padanan untuk setiap ring-

git sebagai bantuan kewangan merawat penyakit kronik bagi kumpulan berpendapatan rendah.

Dana awal RM100 juta akan disediakan untuk tujuan tersebut.

Dari segi ekonomi, Dr. Mahathir mengumumkan bahawa nilai kontrak kerajaan bagi semua kelas kontraktor Bumiputera dinaikkan antara sekali dan hampir empat kali ganda.

Menurut beliau, ia akan memberi peluang kepada mereka mendapat kontrak yang lebih besar memandangkan ia tidak pernah disemak sejak tahun 1970-an.

“Saya harap kontraktor Bumiputera sedia meningkatkan daya keusahawanan dan keupayaan

■ Lihat muka 4

Baucar tuisyen untuk anak keluarga miskin elemen menarik

teknikal mereka supaya kelayakan yang lebih tinggi dapat dimanfaatkan dan kualiti kerja lebih terjamin,” kata Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Dalam pembangunan sumber manusia, sebuah dana geran latihan pekerja berjumlah RM100 juta akan ditubuhkan selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan lebih

ramai tenaga mahir dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Dr. Mahathir berkata: “Dana ini akan disalurkan kepada syarikat swasta untuk membiayai latihan kakitangan mereka yang terlibat dalam aktiviti R&D.”

Bajet 2003 juga memperlihatkan satu lagi elemen menarik kerana

kerajaan mencadangkan kadar pengecualian cukai bagi pembayaran pampasan yang diterima oleh pekerja yang terpaksa berhenti kerja atau menerima tawaran skim pemberhentian sukarela (VSS) dinaikkan daripada RM4,000 kepada RM6,000 bagi setiap tahun perkhidmatan.

Cadangan itu adalah bagi membantu pekerja itu menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.